Title	General paper I: Kebudayaan (Lecture 17-18)
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1960 Muhammad Ariff bin Ahmad

Mas GENERAL PAPER I.

KEBUDAYAAN

Lecture 17 = 11.7.60 – 16.7.60 Hal: PERMAINAN DAN TARIAN I

K. S. L muka 69 – 74.

1. PERMAINAN
   a) Permainan Luar:
      1. Ia-lah gerak badan yang mendatangkan faedah pada jasad (tuboh). Kebanyakan-nya di-lakukan di-lapangan terbuka.
      2. Permainan2 lama ia-lah gasing, layang2, sepak raga, guli, chanang, laga binatang.
      3. Permainan2 baru ia-lah bola sepak, tarek tali, sukan, bulutangkis (badminton), bertinju, sepak raga jaring, pingpong dan permainan2 international.

   b) Permainan Dalam:
      1. Ia-lah permainan yang mendatangkan faedah pada roh (spirit) yang banyak menggunakan akal. Kebanyakan-nya di-lakukan di-dalam kawasan rumah.
      2. Permainan2 lama ia-lah tekateki, dam, jogar, chator, chongkak.
      3. Permainan2 baru ia-lah pelbagai jenis kartu (sekarang jadi perjudian) dan pelbagai jenis permainan yang di-katakan “indoor games”.

   c) Pertunjokan2:
      Ia-lah jenis permainan dalam yang bersifat hiboran:-
      1. Bangsawan:
         Pertunjokan wayang chara lama saperti “opera”. Pelakon-nya berchakap dan menyanyi. Cherita-nya ia-lah cherita2 raja2 atau kerajaan2 lama; kebanyakan-nya cherita2 dongeng.
      2. Sandiwara:
         Pertunjokan wayang chara baru saperti “play”. Pelakon-nya tidak menyanyi kalau tak perlu. Cherita-nya mem-bayangkan keadaan masharakat sekarang.
      3. Filem:
         Pertunjokan yang lebeh maju dengan pemandangan2 yang meluas.
      4. Joget: = tarian yang bersifat hiboran sa-mata2.
         Majlis joget di-adakan sa-bagai menunjokkan rasa terimakaseh kapada pekerja2 sukarela dalam majlis2 kahwin. Biasa-nya tuanrumah menjemput peragawati2 dan mengadakan minuman2 keras untok merayakan majlis joget itu.
         Lepas Perang Dunia Kedua: orang2 Kuala Lumpur mem-baharui bentok gaya joget itu dengan menchantumkan gayatimor dengan gayabarat jadi-lah “JOGET MODEN” atau “MODERN RONGGENG”.

2. TARIAN2: Lihat Lecture 18 untok 18.7.60 – 23.7.60

GENERAL PAPER I.

Mas.
KEBUDAYAAN
Lecture 18 = 18.7.60 – 23.7.60

Hal: PERMAINAN DAN TARIAN II
K. S. L muka 69 – 74.

1. PERMAINAN: Lihat Lecture 17 bagi 11.7.60 – 16.7.60

2. TARIAN2:
   a) Asal-nya ia-lah lompatan2 biasa yang senang dan mudah. Lompat-an2 itu di-ator, di-susun, di-seramakan sa-hingga men-jadi tarian2 yang indah.

   b) Bedza-nya 'tarian' dengan 'joget' ia-lah "tarian" itu mempunyai unsor dan nilai seni; tetapi "joget" hanya mempunyai unsor dan nilai hiboran dan dagang (commercial).

   c) Tarian2 mempunyai nama2 yang khas bagi tiap2 satu-nya:-
      1. Tari Inai = di-tarikan dalam majlis berhinai.
      2. Tari Piring = di-tarikan dengan memakai piring.
      3. Tari Mak Inang = di-tarikan untok menyerikan majlis raja-raja.
      4. Tari Menampi Padi = di-tarikan oleh gadis2 petani.
      5. Serampang Laut = di-tarikan oleh gadis2 nelayan.
      6. Tarian Kaparinyo = di-tarikan oleh gadis2 Minang.
      7. Tarian Serimpi = di-tarikan oleh gadis2 Solo.

      * dan banyak lagi tarian2 yang berbagai ragam.

   d) Watak2 Penari:
      1. Tanah Melayu : Ronggeng atau Makyong di-tarikan dengan sambilan menyanyi. Penari2 tidak berselindang.
      2. Tanah Jawa : Tarian yang di-sukai ramai ia-lah 'rejog'. Penari2 keraton "serimpi" tidak menyanyi. Ketua penari itu di-sebut bedaya.
      3. Bali : Penari Bali menari di-pura; kerana tarian itu bersendi ugama-nya. Tarian yang tertinggi ia-lah Tari Korban. Lepas menari penari itu mesti mati.
      4. Makasar : Penari2 menari di-tepi2 jalan. Se-barang lelaki boleh mengebeng. Me-reka menari pagi2 hari.
      5. Minahasa : Orang2 kampong berhimpun di-satu tempat kemudian menyanyi beramai2 sambil menari menurut ketua-nya.
      6. Dayak : Mereka menarikan Tarian Perang kera-na meraikan kawan-nya berjaya menga-yau.

==========

Soalan2 Lecs 17 dan 18:

1. Apa-kah perbedzaan-nya:-
    a) Permainan Luar dengan Permainan Dalam;
    b) Joget/ronggeng dengan Tarian;
    c) Bangsawan dengan Sandiwara.
2. Apa-kah yang awak tau tentang:-
    a) chongkak,
    b) jogar,
    c) serimpi,
    d) tekateki,
    e) sepak raga,
    f) serampang laut,
    g) rejog,
    h) makyong,
    i) bedaya,
    j) mengayau.